

21 Oktober 2021

Para Penduduk yang Dihormati,

## **PAMERAN MODEL CONTOH (MOCK-UP) PROGRAM PENINGKATAN RUMAH BLOK 1 HINGGA 19 TOH YI DRIVE**

Anda semestinya telah menerima dan mengambil bahagian dalam tinjauan bertarikh 16 Jul 2021 untuk Program Peningkatan Rumah (HIP) Toh Yi Drive.

2 Untuk membantu anda memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang skop kerja peningkatan HIP, pihak kami telah menyediakan pameran model contoh (mock-up) untuk memberikan gambaran yang lebih baik kepada anda. Dengan sukacitanya, kami ingin memaklumkan bahawa model contoh ini telah siap untuk dipamerkan. Item-item peningkatan berikut akan dipamerkan semasa pameran ini:

i. Peningkatan Wajib:

- Perbaiki konkrit terkelupas/struktur retak
- Paip sisa UPVC
- Rak jemuran pakaian baru

ii. Peningkatan Pilihan:

- Peningkatan tandas/bilik mandi dengan 3 tema warna
- Jeriji
- Pintu besar
- Corong sampah

iii. Peningkatan Bagi Warga Emas Aktif (EASE):

- Palang pemegang
- Rawatan anti gelincir untuk jubin lantai
- Tanjakan

3 Pameran model contoh akan diadakan di tempat dan pada tarikh dan masa berikut:

Tempat	:	Kolong HDB Blk 5 Toh Yi Drive
Tarikh	:	3 Nov 2021 (Rabu) hingga 30 Nov 2021 (Selasa)
Masa	:	11 pagi hingga 9 malam (Isnin hingga Jumaat); 9 pagi hingga 7 petang (Sabtu, Ahad dan Cuti Umum); 9 pagi hingga 9 malam (26 Nov hingga 30 Nov)

4 Sekiranya anda berminat untuk melihat pameran model contoh (mock-up), anda perlu membuat e-janji temu melalui kod QR di bawah. Sekiranya anda memerlukan bantuan, sila hubungi Pusat Maklumat HIP di [Talian Bebas Tol HIP: 1800-206-6642] atau hantarkan e-mel kepada [G29i.tohyi@wingtuck.com.sg](mailto:G29i.tohyi@wingtuck.com.sg). Sila ambil perhatian bahawa anda perlu menunjukkan e-mel pengesahan tempahan anda sebelum anda memasuki tempat pameran dan maksimum 2 orang dibenarkan bagi setiap keluarga untuk setiap kali.



<https://go.gov.sg/exhibitiong29i-pb>

5 Secara alternatifnya, anda boleh kunjungi laman mikro melalui pautan di bawah:



<https://www.btcares.sg/tyhip>

6 Terima kasih.

Yang benar,

Cawangan Clementi  
Kumpulan Pengurusan Perumahan  
Lembaga Perumahan dan Pembangunan